

Pesaka dalam dilema tunggu pengesahan Majlis Sukan Negara

- 5 JAN 1988

S. Harlan (M)



(A RAHMAN HASSAN)

HADIAH tertinggi Skim Hadiah Kewangan Kerajaan bukan menjadi impian utama Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) apabila menghantar permohonan mendapatkan ganjaran untuk barisan pesilat negara yang mencatat kejayaan di Kejuaraan Silat Sedunia bulan lalu, lapor MOHD RAHIME YUSOF.

Memandangkan ia adalah kejohanan bertaraf dunia, pesilat-pesilat itu layak dipertimbangkan untuk menerima ganjaran setimpal.

"Meskipun kejuaraan itu bertaraf dunia, kami akui ada beberapa kekurangan dalam penyelenggaraannya, tetapi ia tidak bererti perlawanan dalam kejuaraan itu tidak bermutu.

"Oleh itu, pesilat negara yang berjaya memungut pingat dalam kejuaraan itu, sudah sepatutnya diberi ganjaran wajar sekalipun tidak menerima hadiah dalam kategori tertinggi MSN," kata Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan.

Menurutnya, sebagai kejuaraan bertaraf dunia yang masih 'muda' seperti juga kejohanan dunia yang lain, ia perlu mengambil masa untuk matang, tetapi Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur adalah yang terbaik berbanding kejohanan lalu baik di segi penyer-taan dan keunggulan pesilatnya.

Pesaka mengemukakan permohonan itu kepada MSN kelmarin, selepas menyiapkan laporan lengkap mengenai latar belakang kejuaraan dan pencapaian yang ditunjukkan oleh barisan pesilat tempatan dan negara peserta.

Pesilat negara, Ahmad Wardi Salim, Ahmad Fauzi Othman dan Wan Aminuddin Baki

Abu Bakar mengutip pingat emas, manakala Mazlan Shaari memenangi pingat emas dalam Kejuaraan Terbuka Bebas Kelas G. Malaysia menduduki tempat kedua di belakang Indonesia dengan tiga emas, empat perak dan 12 gangsa.

Abdul Rahman berkata, MSN perlu memberi perhatian kepada pesilat yang berjaya itu sekalipun mereka tidak mengiktiraf kejuaraan itu bertaraf dunia.

"Ganjaran dalam katogeri lain patut dihadiahkan kepada mereka itu supaya mereka lebih bersemangat untuk berlatih dan sekali gus mengharumkan nama negara dalam kejohanan akan datang.

"Kami bukan mendesak MSN dalam hal ini tetapi sekadar mengharapkan majlis itu memberi perhatian setimpal dengan kejayaan yang dibuktikan oleh pesilat-pesilat kita," tambah Abdul Rahman.

Katanya, Pesaka akan membuat susulan dengan MSN selepas ini bagi membincang perkara itu demi menjaga kepentingan pesilat-pesilat negara.

Sementara itu dalam satu kenyataan lain, Presiden Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat), Eddie M Nalapraya, memberitahu sekalipun beberapa negara enggan mengakui peserta mereka itu adalah yang terbaik.

"Keengganan mereka mengakui perkara itu sekadar satu sikap 'merendah diri' kerana ia adalah etika dan pada hakikat ilmu persilat termasuk silat olahraga, sikap besar diri tidak pernah ujud," katanya.